

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 MEI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI MENGSYORKAN PENUBUHAN GABUNGAN PERSATUAN PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA MALAYSIA UNTUK MENGGALAKKAN PENYERTAAN MEREKA DALAM PERNIAGAAN GETAH ASLI NEGARA.

BELIAU BERHARAP PENUBUHAN GABUNGAN ITU DAPAT MEMBIMBING DAN MEMBANTU PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA DALAM ASPEK-ASPEK PENGURUSAN, PERAKAUNAN, PERMUTUAN DAN SELOK-BELOK PERNIAGAAN DI SEMUA PERINGKAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPUAT SYOR ITU KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA PERINGKAT KETANGGSAAN ANJURAN LEMBAGA PASARAN DAN PELESENAN GETAH MALAYSIA DI SINI.

SEMINAR LIMA HARI ITU DIHADIRI OLEH SERAMAI 500 ORANG PENIAGA GETAH BUMIPUTERA DARI SELURUH NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENINGATKAN PESERTA-PESERTA ITU PAHAWA DENGAN BIMBINGAN DAN GALAKAN YANG BETUL, MEREKA AKAN MENUBUNKAN SATU KUMPULAN PENIAGA

PENIAGA BUMIPUTERA YANG BETUL-BETUL PAKAR DALAM SEGALA ASPEK PERNIAGAAN GETAH.

BELIAU BERKATA KEGIATAN PESERTA-PESERTA ITU DALAM PERNIAGAAN GETAH MERUPAKAN PENYERTAAN YANG PENTING PAGI NEGARA, MEMANDANGKAN MALAYSIA ADALAH PENGELUAR UTAMA GETAH ASLI DI DUNIA. --BERSAMAUNG 1310/SY

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MASIH TERDAPAT PELUANG YANG LUAS DALAM BIDANG PEMBUATAN TARAM-PARAM DARI GETAH.

KATANYA, PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA YANG INGIN MENYERTA BIDANG INI BOLEHLAH MENGHUNGI MIDA ATAU LEMBAGA PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN GETAH MALAYSIA YANG SENTIASA BERSEDIA MEMBERI NASIHAT TENTANG BIDANG TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN WALAUPUN KERAJAAN BERUSAHA MEMBANTU PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA, SEGALA USAHA DAN BANTUAN SERTA GALAKAN YANG DIDERIKAN AKAN TIDAK BERHASIL TANPA KEAZAMAN, KETEKUNAN DAN KERAJINAN DI KALANGAN MEREKA TERLIBAT.

+MATLAMAT KERAJAAN UNTUK MENCAPAI 30 PERATUS PENYERTAAN BUMIPUTERA DI SEMUA PERINGKAT PERNIAGAAN GETAH ASLI HANYA BOLEH

BERJAYA JIKA KITA MEMPUNYAI KERJASAMA YANG ERAT DAN KEAZAMAN YANG KUAT DI KALANGAN PENIAGA-PENIAGA GETAH BUMIPUTERA SENDIRI.+

+KALAU TIADA SAMBUTAN INI, MAKA PERANAN KERAJAAN SEMALAH SEPERTI PEPAH MELAYU, BERTEPUK SEBELAH TANGAN MASAKAN IA BERBUNYI+, KATA BELIAU LAGI.

MENGENAI PENGELUARAN GETAH ASLI DI MALAYSIA, BELIAU BERKATA KERAJAAN SEDANG BERGIAT DENGAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG TERTENTU UNTUK MENINGKATKAN PENGELUARAN GETAH ASLI NEGARA TERUTAMA DI SEKTOR PEKEJURAN KECIL. --PERSAMBUNG 1315/
INI BUKAN SAHAJA UNTUK MEMPERKUYUKKAN KEDUDUKAN MALAYSIA SEBAGAI NEGARA PENGELUAR GETAH ASLI YANG UTAMA, TETAPI JUGA UNTUK MENEMUI KEPERLUAN PASARAN DALAM DAN JUGA LUAR NEGERI SEPERTI YANG TERKANDUNG DALAM DASAR PENGELUARAN DINAMIS YANG SEDANG DIGUBAL SEKARANG.

MENGENAI PASARAN BARANGAN, BELIAU BERKATA USAHA-USAHA SEDANG DITINGKATKAN LAGI DENGAN PENGUJUDAN PASARAN BARANGAN KUALA LUMPUR PADA PERTENGAHAN TAHUN INI YANG MANA KELAPA SAWIT MERUPAKAN BAHAN PERTAMA YANG AKAN DINIAGAKAN DI PASARAN ITU.

KATANYA, ADALAH MENJADI HASRAT KERAJAAN SUPAIYA PASARAN GETAH DAN TIMAH SEPERTI YANG BERJALAN SEKARANG AKAN DAPAT DISELARAS DAN DISATUKAN DENGAN PASARAN BARANGAN KUALA LUMPUR.

PENGERUSI LEMBAGA PASARAN DAN PELESENAN GETAH MALAYSIA, ENCIK AHMAD SABKI JAHIDIN, BERKATA TUJUAN SEMINAR ITU BUKAN SAHAJA UNTUK MEMBERI PETUNJUK DAN MENGULAS MASALAH-MASALAH YANG ADA TETAPI JUGA UNTUK MENGAUR JEJAK LANGKAH LAGI MELUASKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA DI DALAM PERNIAGAAN GETAH ASLI NEGARA DI SEMUA PERINGKAT.

BELIAU BERHARAP SEMINAR ITU AKAN PERFAEDAH DAN PERKESAN SERTA DAPAT MEMBIMBING PARA PENIAGA GETAH BUMIPUTERA MELUASKAN LAGI PERNIAGAAN MEREKA. --BERNAMA 1320